

**Dr Mahathir: Apa bukti saya diktator?**  
**MalaysiaKini.com**  
**18 Julai, 2012**

Mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan tinjauan ke atas pengunjung blognya untuk mengenalpasti sama ada beliau dilihat sebagai seorang diktator.

Mahathir dalam tulisannya di blog <http://chedet.cc/blog> itu meminta pengunjung menyatakan perkara yang telah dilakukannya sehingga disamakan dengan sifat dan perbuatan seorang diktator.

"Saya ingin tahu daripada pelawat ke blog saya tentang apakah yang saya telah lakukan semasa saya menjadi perdana menteri Malaysia yang menjadi bukti bahawa saya adalah seorang diktator?"

Katanya, beliau sebelum ini menerima banyak gelaran termasuk "Mahazalim" dan "Firaun" yang dicipta oleh musuh politiknya.

Malah perkara itu juga sering ditanya oleh orang yang tidak bermusuhan dengannya.

"Apabila saya ditemuramah sekarang, walaupun oleh orang yang tidak bermusuhan dengan saya, soalan-soalan mereka ternampak yang mereka agak percaya bahawa gelaran terutama gelaran diktator yang diberi kepada saya adalah tepat dan berasas kepada kepercayaan bahawa saya adalah seorang diktator," katanya.

Mahathir seterusnya meminta pembaca membandingkan dirinya dengan beberapa bekas pemimpin negara lain yang pernah merangkul gelaran sama, termasuk bekas presiden Mesir Hosni Mubarak yang didakwa membunuh beribu ahli Ikhwan Muslimin dan mengumpul harta kekayaan yang besar.

"Musuh Mubarak tidak dibenarkan berpolitik, sering ditangkap, dikurung tanpa bicara dan dihilangkan," katanya.

Mahathir berkata, tiada kebebasan bersuara atau akhbar bebas di bawah Mubarak dan jawatan presiden itu tidak pernah ditandingi orang lain selama 30 tahun Mubarak menjadi presiden.

Mahathir juga membariskan nama bekas presiden Romania Nicolae Ceaușescu, bekas pemimpin Libya Muammar Gaddafi serta bekas presiden Iraq, Saddam Hussein.

Tidak ketinggalan, pengasas parti Nazi Jerman, Adolf Hitler yang pernah bertanggungjawab mendirikan pemerintahan kuku besi di negara itu.

"Apakah yang saya lakukan yang menyamakan sifat dan perbuatan seorang diktator?," soalnya lagi.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/203960>